

09/05/2002

Dr M rasmi PPIC

KUALA TERENGGANU, Rabu - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Kompleks Industri Petroleum Petronas (PPIC) di Kertih esok.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Jabatan Maklumat Perundangan dan Hal Ehwal Korporat Petronas Azman Ibrahim, berkata Dr Mahathir dijadual tiba di Lapangan terbang Kertih pada jam 9.30 pagi.

Azman dalam satu kenyataan menyebut Dr Mahathir akan dibawa melawat kilang optimal PPIC.

Pada tengah hari, katanya Perdana Menteri dan rombongan akan melawat kemudahan marin di Kertih dan makan tengah hari di Villa Petronas.

Azman berkata, selepas jamuan tengah hari, Perdana Menteri akan melawat menara pemerhatian bagi meninjau pemandangan kilang PPIC dan kemudian ke menara pemerhatian kompleks kilang pemprosesan gas B (GPP-B) sebelum dibawa melawat kilang berkenaan.

Pada jam 4.30 petang, Perdana Menteri dijadual menghadiri majlis tertutup.

(END)